

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JANUARY 2017

u/m - 16/1/2017

## Kronologi dakwaan Dr. Mahathir mengenai BR1M



**1 Oktober 2013**

"ADAKAH kita memerlukan BR1M? Kita boleh dapatkan sokongan undi walaupun tanpa BR1M."

PETIKAN BLOG DR. MAHATHIR

"KITA jarang menghargai sesuatu yang diperoleh dengan mudah dan percuma termasuk BR1M,"

KENYATAAN DR. MAHATHIR DALAM PROGRAM 'SEPETANG BERSAMA TUN DR MAHATHIR MOHAMAD'

**3 Mac 2014**

"DAN ia diberi apabila pilihan raya semakin dekat atau sebagai manifesto pilihan raya yang menjanjikan perkara ini (BR1M). Tanggapan yang tak boleh dielak ialah pemberian ini seperti membeli undi.

"TETAPI BR1M mempunyai lebih banyak implikasi negatif. Ia meningkatkan kecenderungan untuk bergantung kepada kerajaan walaupun untuk pendapatan seseorang tanpa mereka usaha apa-apa. Ia melemahkan sikap seseorang dan mengurangkan sikap berdaya saing."

PETIKAN BLOG DR. MAHATHIR

**13 November 2014**

**20 Disember 2014**

"DENGAN kerana BR1M ni orang takkan sokong kita. Tapi Najib jawab wang tunai adalah raja,"

UCAPAN DR. MAHATHIR PADA KONVENSYEN KEPIMPINAN MELAYU MUDA NUSANTARA (NUSA '14)

**29 April 2015**

"BR1M dia nak bagi dekat-dekat pilihan raya. Jadi ia ada elemen rasuah. Sepatutnya tak perlu bagi. Dahulu tak bagi BR1M pun kita menang pula. Ini bagi BR1M lagi turun sokongan undi,"

KENYATAAN DR. MAHATHIR DALAM SYARAHAN PERDANA DI GERMAN MALAYSIAN INSTITUTE (GMI)

**24 Disember 2016**

"NAJIB bagi RM500 dia jual negeri dia. Sebab itu saya nak tegaskan di sini. Kita tahu duit itu rasuah. Kita tahu benda itu salah daripada segi agama dan undang-undang,"

UCAPAN DR. MAHATHIR DALAM CERAMAH DI TAMAN WIRA MERGONG, ALOR SETAR, KEDAH

**14 Januari 2017**

"JIKA didapati BR1M mustahak maka wang ini akan diagih oleh pegawai Kerajaan. BR1M tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana manifesto mana-mana parti.

"Jika dipersetujui oleh rakyat BR1M akan dijadikan bantuan statutory yang ditentukan oleh undang-undang dan bajet biasa. Perdana Menteri tidak boleh tentukan pemberian ini atau jumlahnya, atau cara penyampaian."

UCAPAN DR. MAHATHIR PADA MAJLIS PELANCARAN PPBM